

gainya, sedangkan pelancong datang untuk melihat tempat-tempat bersejarah, pusat-pusat perangan dan riadah.

"Orang-orang Jepun, misalnya, suka datang ke Malaysia kerana ada banyak padang golf yang tidak sibuk kerana di Jepun, mereka terpaksa bermain golf secara terhad di atas bangunan-bangunan tinggi," tambahnya.

Perdana Menteri, bagaimanapun, meminta pengusaha-pengusaha hotel supaya melipatgandakan usaha menarik lebih ramai pelancong kerana industri pelancongan menguntungkan negara di segi pertukaran wang asing.

"Untuk memajukan industri pelancongan, kita perlu banyak bercerita kepada rakyat asing dan mengiklankan tempat-tempat yang menarik di negara kita kepada masyarakat antarabangsa," tegas beliau.

Pengerusi Syarikat Kuching Hotels Sdn Bhd, Datuk Haji Bujang Mohd. Nor, kemudian menyampaikan cenderamata kepada Perdana Menteri — sebuah gambar besar Datuk Seri Dr Mahathir memakai pakaian tradisi kaum Iban.

Datuk Haji Bujang ialah Setiausaha Kerajaan Negeri manakala Kuching Hotels ialah anak syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sarawak.

Hotel cantik belum pasti dapat pikat pelancong

21 AUG 1985

KUCHING, Selasa (21)
Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan pengusaha-pengusaha hotel supaya jangan terlalu ghairah mencantikkan hotel masing-masing dalam usaha menarik lebih ramai pelancong.

Apa yang lebih penting, kata Perdana Menteri, ialah memajukan kawasan-kawasan pelan-

Oleh RAHIM LAJIS

congan yang ada serta mencari tempat-tempat baru yang boleh memikat pelancong.

"Pelancong tidak memerlukan hotel-hotel mewah. Mereka merasa cukup puas hati jika disediakan kemudahan yang diperlukan termasuk katil-katil yang selesa dan tandas-tandas yang bersih," katanya.

"Negara sudah mempunyai banyak hotel mewah di setiap negeri," katanya ketika merasmikan bangunan tambahan hotel Holiday Inn berharga \$70 juta di sini hari ini.

Beliau berkata, pelancong sudah bosan melawat negara-negara yang terkemuka dan kini mereka mencari-mencari tempat yang menarik seperti yang ada di negara ini.

"Kepada kita, hujan, sungai, panas terik cahaya matahari, tempat-tempat ibadat dan tempat-tempat bersejarah adalah perkara biasa. Tetapi kepada pelancong-pelancong bangsa Arab, Eropah dan Jepun, semuanya istimewa," katanya.

Hairan

Beliau hairan mengapa pengusaha-pengusaha hotel asyik berikhtiar untuk mencantikkan bilik-bilik, restoran dan seba-